

28 MAR 1998

Mahathir-Rakyat

SEKUMPULAN MINORITI MASIH TIDAK SETUJU USAHA KERAJAAN TANGANI KRISIS EKONOMI

JELI, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata masih terdapat sekumpulan minoriti rakyat negara ini yang tidak bersetuju dengan usaha-usaha kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi yang dihadapi kini.

"Walaupun majoriti rakyat negara ini bersatu tetapi masih ada puak minoriti yang tidak bersetuju dengan usaha kerajaan mempertahankan negara daripada dijajah semula," katanya semasa merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Jeli di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun kerajaan telah banyak memperjelaskan kemampuannya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh kemerdekaan, ia masih ditolak oleh puak minoriti itu.

Sehubungan itu beliau meminta anggota-anggota Umno turut membantu memperjelaskan langkah-langkah memulihkan ekonomi bagi pihak kerajaan untuk meyakinkan semua rakyat agar mereka benar-benar memahaminya.

Katanya semua golongan rakyat seharusnya sanggup berkorban demi mempertahankan kemajuan yang dicapai dan kerajaan memerlukan mereka bersatu padu dalam memberi sokongan membantu usaha kerajaan memulihkan krisis ekonomi kini.

Dr Mahathir berkata bagi umat Islam amalan korban yang dilakukan sempena Hari Raya Korban pada setiap tahun perlu dijadikan pengajaran dan diamalkan.

Ajaran Islam telah terbukti berkesan kerana berjaya mengubah kaum Jahiliah yang mundur dan jahil kepada kaum yang maju dan kuat mempertahankan negaranya selepas berpegang kepada ajaran yang dibawa Nabi Muhammad saw, kata Presiden Umno itu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Jika kita sanggup berkorban, masa depan kita akan lebih cerah," katanya.

Isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut serta pada majlis itu yang dihadiri lebih 10,000 orang. Antara yang hadir termasuk Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad yang juga Ketua Umno Bahagian Jeli, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob, yang juga bekas Menteri Besar Kelantan.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah diakui sebagai negara Islam yang maju, yang daripada hanya bergantung kepada sektor pertanian dan bijih timah sebelum ini, telah berjaya dalam bidang perindustrian. Kemajuan itu seharusnya terus dipertahankan.

Bagaimanapun rakyat perlu faham dengan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil kerajaan kerana kesemua itu memerlukan sokongan rakyat.

"Kita perlu sedar bahawa kebebasan kita sedang dicabar, jika kita berdisiplin dan ikut arahan kerajaan kita dapat mempertahankan kebebasan itu," kata Perdana Menteri.

Beliau turut memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus membela nasib kaum Bumiputera supaya setanding dengan bangsa lain dalam pelbagai bidang pada masa depan.

Dr Mahathir kemudian merasmikan Kompleks Umno Bukit Nangka manakala Dr Siti Hasmah merasmikan gelanggang badminton yang terletak di kompleks berkenaan.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Gerik untuk menghadiri acara pemimpin bersama rakyat petang ini. -- BERNAMA

BD RON

